

Artikel Penyelidikan

Menerokai Sejarah Penubuhan Surau Cahaya SPK.

Siti Nurlita Mohd Saad¹, Nur Farzana Qistina Muhammad Azri², Nik Azliza Nik Ariffin^{3*} dan Jafalizan Md Jali⁴

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2022977661@student.uitm.edu.my:

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021461786@student.uitm.edu.my:

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; nikazliza@uitm.edu.my;  0009-0009-9609-5166

⁴ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: nikazliza@uitm.edu.my; +60193743868

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Dato' Haji Zon Bin Abdul Hamid dan Saiful Maznil Bin Othman mengenai pengalaman mereka sebagai ahli jawatankuasa surau yang mengetahui berkaitan surau sejak di awal penubuhan Surau Cahaya SPK. Temubual ini dijalankan di Surau Cahaya SPK, Shah Alam, Selangor pada hari Khamis, 20 Jun 2024 dan Ahad, 23 Jun 2024, kedua-duanya bermula pada 3:30 petang. Beliau berdua merupakan ahli jawatankuasa yang aktif sejak 2014 dan bekerjasama bersama pihak surau yang lain dalam menambahbaik keadaan surau dan mengaktifkan penglibatan surau. Kandungan transkrip ini merangkumi latar belakang dan sejarah penubuhan Surau Cahaya SPK dan bagaimana pihak surau mampu menambahbaik keadaan surau hingga kini mampu menjadi surau sebagai tempat aktif ibadah dan program-program lain. Selain itu, di dalam transkrip ini juga membincangkan faktor-faktor penubuhan Surau Cahaya SPK dan mengapa surau ini dibina di tempat tersebut. Seterusnya, di dalam transkrip ini juga menceritakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak surau dalam misi membangun dan menambahbaik Surau Cahaya SPK supaya menjadi tempat yang aktif untuk penduduk berkunjung dan melakukan ibadah serta menghadiri program-program yang dijalankan oleh pihak surau.

Kata kunci: Cahaya SPK, surau, sejarah, penubuhan, penambahbaikan, bangunan

DOI: 10.5281/zenodo.13925850



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Sejarah lisan adalah ketika orang berbagi cerita tentang masa lalu dengan berbicara, bukan menuliskannya. Kisah-kisah ini dapat memberi kita informasi tentang apa yang terjadi di masa lalu dan membantu kita memahami sejarah dengan lebih baik. Terdapat dua jenis sejarah lisan yang pertama Kesaksian lisan adalah ketika orang-orang yang terlibat dalam peristiwa sejarah berbagi cerita melalui wawancara. Informasi ini disebut sejarah lisan. Tradisi lisan adalah ketika cerita dan ucapan diturunkan dari generasi ke generasi dalam suatu budaya. Kisah-kisah ini, seperti mitos dan cerita rakyat, mungkin sulit dianalisis oleh para sejarawan karena mereka mungkin tidak memiliki catatan

tertulis yang mendukungnya. Para leluhur membagikan kisah-kisah ini untuk memberikan pelajaran penting atau menjelaskan berbagai hal kepada anak cucu mereka (Kompas, 2022).

Sejarah lisan biasanya merujuk kepada metodologi, bukannya teori. Tetapi semasa beberapa dekad yang lepas, para sejarawan lisan telah membangunkan beberapa teori interpretif tentang memori dan subjektiviti, serta struktur naratif yang menyediakan rangka kerja untuk cerita-cerita lisan tentang masa lalu. Walaupun ia belum wujud dalam konsep teorikal yang jelas, namun pemahaman kita terhadap memori individu dan kolektif masih jelas dan meningkat. Walaupun begitu, sejarah lisan masih dianggap oleh majoriti ahli sejarah sebagai satu metodologi. Sejarah lisan sering muncul untuk menjadi proses teknikal yang lebih atau kurang dalam mencatat jawapan informal serta seterusnya ia direkodkan dalam mesin pita dan transkip (Anna Green & Kathleen Troup, 1999).

Mengikut kamus dewan edisi keempat surau bermaksud tempat beribadat (sembahyang, belajar agama, dan lain-lain), langgar, madrasah; bagi ber-tandang ke. Perihal bertandang ke rumah orang yg tidak memberi apa-apa kpd tetamu-nya, tidak mendapat apa-apa (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

Menurut R.A. Khan Az, yang dipetik oleh Ajmardi Azra, mengatakan bahawa istilah "Surau" (juga dibaca sebagai Suro) tersebar luas di Asia Tenggara. Istilah ini telah lama dikembangkan di wilayah Minangkabau, Batak, Sumatera Tengah, wilayah Sumatera Selatan, dan petani di Semenanjung Malaysia dan selatan Thailand. Menurut bahasa Melayu, perkataan "Surau" bermaksud "tempat" atau tempat ibadat (Azra, 2003).

Surau ini terletak di Lot 86995, Jalan Hijau Kasturi U9/10, Cahaya SPK, 40150, Shah Alam, Selangor. Surau ini ditubuhkan pada tahun 2008 oleh SJ Properties. Surau ini juga didaftarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pada awal penubuhan surau ini, surau ini sangat daif dan hanya mempunyai bangunan dan karpet sahaja. Sejak itu tahun demi tahun surau ini telah dinaik taraf dan sentiasa beroperasi supaya orang ramai tahu kewujudan surau ini. Surau ini juga sentiasa diselia oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Surau Cahaya SPK mendapat dana daripada Menara Telekom Malaysia Berhad. Surau ini sentiasa mendapat sambutan oleh penduduk di kawasan tersebut dan pelbagai program-program berkaitan keagamaan dianjurkan di surau ini. Kegiatan keagamaan seperti ceramah agama, kelas mengaji Al-Quran, program Qiamullail, majlis berbuka puasa, dan sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Aidiladha dan Aidilfitri adalah antara program yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan penduduk.

Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengetahui tentang sejarah dan peranan Surau Cahaya SPK dalam komuniti seksyen U9/10 di Cahaya SPK, Shah Alam, Selangor. Dato' Haji Zon Bin Abdul Hamid & Saiful Maznil Bin Othman telah ditemuduga. Surau cahaya spk merupakan di bawahna naungan Masjid istiqamah. Pelbagai aktiviti dilakukan di Surau Cahaya SPK, termasuk mengaji, berpuasa, solat berjemaah, serta pelbagai program keagamaan lain yang bertujuan untuk memperkuuhkan ukhuwah dan meningkatkan kefahaman agama di kalangan masyarakat setempat.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidikan ini adalah untuk menyelidik latar belakang dan sejarah penubuhan Surau Cahaya SPK. Kekurangan pengetahuan mengenai sejarah dan asal usul surau akan menyebabkan generasi akan datang mungkin kurang prihatin mengenai sejarah Surau Cahaya SPK. Sejarah penubuhan sesebuah institusi memberi inspirasi dan motivasi kepada masyarakat setempat untuk terus mengekalkan dan

memeriahkan dengan pengisian aktiviti keagamaan. Kekurangan kefahaman tentang sejarah ini boleh menyebabkan sikap tidak ambil peduli dan tidak menghormati surau, mengakibatkan pengabaian dan kemerosotan fungsinya. Asal usul dan sejarah surau adalah penting untuk difahami kerana ia memberi konteks kepada pembangunan dan penambahbaikan bangunan tersebut.

Seterusnya, kurang kefahaman mengenai peranan dan cabaran surau akan menyebabkan pentadbiran surau tidak diurus dengan baik. Surau merupakan tempat menjalankan program-program masyarakat setempat yang memberi manfaat kepada semua penduduk Cahaya SPK. Segala aktiviti yang dijalankan perlu ada pendokumentasian. Jika terdapat kekurangan pendokumentasian mengenai Surau Cahaya SPK terutama sejarah, peranan dan cabaran boleh memberi impak yang besar kepada institusi keagamaan. Ada kemungkinan bahawa pendokumentasian sejarah surau tidak dianggap sebagai prioriti oleh masyarakat setempat atau pihak pengurus surau. Mereka mungkin lebih fokus kepada aktiviti ibadah harian dan program-program komuniti daripada aspek sejarah dan warisan. Cabaran yang dihadapi oleh surau seperti dari segi pemuliharaan seperti kekurangan tenaga kerja untuk menjaga kebersihan dan keselesaan surau atau berkaitan dengan komuniti seperti keengganan sebahagian komuniti untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti surau. Ruang juga menjadi cabaran kerana keterbatasan ruang yang tidak dapat menampung jumlah jemaah yang semakin meningkat, terutama semasa solat tarawih pada bulan Ramadan. Cabaran-cabaran ini perlu ditangani dengan kerjasama antara pihak pengurusan surau, komuniti, dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan surau boleh berfungsi sebagai pusat ibadah dan aktiviti masyarakat.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kes ini, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk memenuhi objektif seperti yang berikut:

- i. Mengkaji latar belakang dan sejarah penubuhan Surau Cahaya SPK
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor penubuhan Surau Cahaya SPK
- iii. Menyelidik cabaran yang dihadapi oleh pihak Surau Cahaya SPK

4. PERSOALAN KAJIAN

Penyelidik akan menjalankan kajian tentang Latar Belakang dan Sejarah Penubuhan Surau Cahaya SPK dengan menemu bual Dato' Haji Zon Bin Abdul Hamid yang merupakan timbalan penggerusi Surau Cahaya SPK dan Encik Saiful Maznil Bin Othman yang merupakan bendahari Surau Cahaya SPK.

- i. Apakah latar belakang dan sejarah penubuhan Surau Cahaya SPK?
- ii. Apakah faktor-faktor penubuhan Surau Cahaya SPK?
- iii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak Surau Cahaya SPK?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian berkaitan latar belakang dan sejarah Surau Cahaya SPK amat penting kerana ia menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang asal-usul dan perkembangan tempat ibadat ini. Kepentingan dan sumbangan kajian yang pertama ialah mendedahkan sejarah dan latar belakang penubuhan Surau Cahaya SPK serta perkembangan sosial dan budaya yang berlaku di kawasan tersebut banyak dibantu oleh pengetahuan tentang sejarah surau. Tambahan pula, kajian ini membantu

dalam mengiktiraf usaha dan pengorbanan individu atau organisasi yang terlibat dalam penubuhan dan penambahbaikan surau, serta melahirkan rasa terima kasih atas sumbangan mereka.

Kepentingan dan sumbangan kajian yang kedua ini ialah menyedarkan masyarakat tentang pentingnya faktor-faktor penubuhan surau terhadap kehidupan manusia dan surau merupakan. Hal ini kerana, tempat ibadat berfungsi sebagai tempat solat berjemaah terutamanya solat lima waktu. Ini membantu mengerakkan ikatan rohani dalam komuniti. Selain itu, surau juga menjadi tempat pendidikan seperti pengajaran agama dan pengajian al-Quran. Ini memberi peluang kepada masyarakat untuk mendalami ilmu agama.

Kepentingan dan sumbangan kajian yang ketiga adalah untuk memberikan pandangan yang mendalam tentang peranan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak Surau Cahaya SPK sepanjang berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa surau tersebut serta penyelesaian praktikal terhadap kebimbangan tersebut. Ini melibatkan menganalisis cabaran dari sudut pengurusan, kewangan, aktiviti kemasyarakatan, dan penyelenggaraan kemudahan surau, dengan matlamat untuk meningkatkan keberkesan dan kejayaan pengurusan surau untuk manfaat jemaah dan masyarakat sekeliling.

Penyelidikan ini juga dapat menambahkan koleksi kajian mengenai institusi keagamaan di Malaysia. Ia boleh dijadikan rujukan kepada komuniti-komuniti yang ingin menujuhkan surau atau tempat-tempat untuk program keagamaan dan masyarakat setempat.

6. TINJAUAN LITERATUR

6.1 DEFINISI MASJID DAN SURAU

- Surau bermaksud tempat beribadat (sembahyang, belajar agama), langgar, madrasah; bagi ber-tandang ke ~ prb perihal bertandang ke rumah orang yg tidak memberi apa-apa kpd tetamu-nya, tidak mendapat apa-apa. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017)
- Masjid adalah bangunan besar dan indah tempat umat Islam beribadah dan belajar tentang agama mereka. Biasanya memiliki kubah besar dan menara tinggi. Masjid merupakan tempat khusus bagi umat Islam dan sering ditemukan di bagian-bagian penting kota. Surau dan masjid serupa karena keduanya merupakan tempat umat Islam beribadah, namun memiliki beberapa perbedaan. Surau biasanya lebih kecil dan desainnya sederhana, sedangkan masjid lebih besar dan rumit (Basit, 2023).

6.2 PERANAN SURAU

Program berbuka puasa Surau Cahaya SPK merupakan antara aktiviti tahunan yang dinantikan masyarakat setempat khususnya pada bulan Ramadan. Program ini merangkumi berbuka puasa bersama ahli komuniti Slough dan masyarakat setempat berkumpul untuk berbuka puasa bersama-sama. Makanan biasanya disediakan oleh pihak sulau dengan sumbangan daripada individu atau kumpulan tertentu. Solat Maghrib selepas berbuka, solat Maghrib diadakan di komuniti Surau. Tazkirah Ramadhan: ** Selepas solat Maghrib, Imam atau penceramah jemputan akan memberikan tazkirah atau syarahan ringkas bagi memastikan kecukupan rohani. Solat Ishaq dan Tarawih. Selepas Tazkirah, Solat Isyak dikerjakan, diikuti Solat Tarawih berjemaah. Derma Makanan kadangkala sumbangan makanan atau bungkusan makanan diagihkan kepada kumpulan Asnaf dan orang yang memerlukan. Program berbuka puasa ini bukan sahaja menjadi asas ibadah gereja, tetapi juga berfungsi untuk mengerakkan hubungan mesra antara umat dan masyarakat setempat.

Polemik tentang pengimaranan surau, ia sebenarnya membawa erti dan konsep yang sama dengan pengimaranan masjid dan musala terutama di sudut penggunaan dan fungsinya. Dalam konteks hari ini, surau dibina di merata tempat untuk membolehkan umat Islam mengerjakan ibadah, terutamanya solat berjemaah. Pembinaan surau dengan tujuan utama untuk memantapkan kerohanian dan pemantapan akhlak yang baik dalam kalangan orang Islam. Surau juga berfungsi sebagai pusat pendidikan dan kegiatan dakwah yang berkesan (Ab. Halim Tamuri, 2003).

Walaupun begitu, kemudahan surau dan musala yang mengagumkan dan suasana yang harmoni telah menyebabkan orang beragama Islam berasa seronok untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalamnya (Mohamad Muis, 2017).

Antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanannya peranan masjid sebagai pusat sosial ialah adanya kerjasama antara pengurusan masjid dengan masyarakat setempat, kerjasama antara masjid dengan agensi luar dan keperibadian pihak pengurusan masjid yang ikhlas serta istiqamah untuk mengimarahan masjid. Selain itu, masjid juga perlu mengadakan kerjasama dengan surau-surau yang berada di dalam mukim yang sama, kerjasama dengan sekolah-sekolah sekitar khususnya dalam mendekatkan remaja dengan masjid, kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), kerjasama dengan ibu bapa serta peranan jawatankuasa masjid sebagai agen dakwah dan contoh teladan kepada masyarakat setempat (Mohd Ridhuwan, 2020).

Sebagai institusi sosial yang berperanan dalam menyantuni masyarakat, masjid juga perlu menjadi nadi ekonomi masyarakat. Jawatankuasa muslimat tidak seharusnya memadai dengan sumbangan dan derma tetapi perlu lebih berpandangan jauh untuk menjana pendapatan melalui aktiviti berasaskan keusahawanan dan perniagaan bermula dengan muslimat kariah seterusnya dikembangkan ke luar lingkungan masjid serta kariah. Pendapatan yang stabil ini membolehkan pihak masjid berfungsi sebagai pusat muslimat setempat yang mandiri serta memberi manfaat lebih besar kepada masyarakat (Abd Wahab, Ab Hamid & Che Man, 2016).

6.3 AKTIVITI KEAGAMAAN SURAU

Menjalin hubungan dan mengeratkan hubungan sesama umat Islam dipermudahkan dengan aktiviti gotong royong dalam kalangan masyarakat setempat. Kerana jika ia tidak diuruskan, ia mewujudkan jurang yang besar yang membawa kepada salah faham dan konflik. Aktiviti sosial yang dijalankan termasuklah pembersihan kawasan masjid dan surau, program Qurban, program berbuka puasa dan sebagainya. Mekanisme sedemikian membantu untuk merapatkan jurang yang timbul dalam komuniti tempatan. Masjid purba dan sulau yang disiasat menjadi tuan rumah aktiviti sosial ini adalah selaras dengan objektif untuk menekankan persaudaraan sesama Islam. Aktiviti sosial ini kerap diadakan di masjid-masjid yang ditinjau.

Kewujudan muslimat secara kolektif di masjid atas pelbagai tuntutan aktiviti telah mengumpulkan satu semangat yang sama. Mereka terlibat dalam organisasi tertentu bagi tujuan penjagaan komuniti secara bersama yang disebut sebagai khidmat sosial. Khidmat sosial dalam Islam termasuk dalam sebahagian amal soleh yang besar ganjarannya. Amal kebajikan ini memberikan dua manfaat kepada pelakunya iaitu mendapat pahala dan nama baik serta mendapat kepuasan hati kerana dapat membantu orang lain. Khidmat sosial ini berdasarkan rasa perpaduan antara orang dalam komuniti agama yang sama dan dalam komuniti agama yang berbeza. Tiga komponen utama

perkhidmatan sosial ialah Amal Makruf, Nahi Munkar, dan sumbangan melalui projek sosial dan komuniti (Mohd Nazim, 2019).

Surau dan masjid merupakan tempat penting bagi umat Islam untuk beribadah. Ini adalah kerana sama-sama untuk beribadah, namun juga memiliki beberapa perbezaan. Surau adalah tempat kecil di mana orang-orang yang beragama Islam beribadah dan belajar tentang agama mereka. Ini seperti versi masjid yang lebih kecil dan sering digunakan oleh orang-orang yang tinggal di dekatnya. Selain itu, surau biasanya digunakan untuk solat harian dan perhimpunan kecil, manakala masjid digunakan untuk majlis keramaian besar dan solat Jumaat.

6.4 BANGUNAN SURAU

Saiz adalah perbezaan utama antara surau dan masjid. Surau lebih kecil dan digunakan untuk aktiviti keagamaan yang lebih kecil, manakala masjid lebih besar dan boleh memuatkan lebih ramai orang. Reka bentuk surau lebih ringkas, hanya satu tingkat, manakala masjid lebih tersergam indah dengan kubah dan menara. Surau biasanya terdapat di kawasan perumahan, manakala masjid dibina di lokasi strategik di bandar atau kampung. Surau diketuai oleh imam yang dipilih, manakala masjid diketuai oleh imam yang dilantik oleh kerajaan atau pengurusan masjid. Secara keseluruhannya, surau dan masjid merupakan tempat ibadat yang penting dalam Islam, dengan saiz, reka bentuk, fungsi, lokasi dan kepimpinan yang berbeza. Adalah penting bagi umat Islam untuk mengetahui perbezaan antara surau dan masjid supaya mereka dapat memahami mengapa tempat-tempat ini penting untuk beribadat dalam Islam. Ilmu ini juga berguna (Basit, 2023).

Surau cahaya spk ini dibina kerana mempunyai kebolehcapaian dan lokasi strategik. Kawasan yang mudah diakses oleh penduduk, seperti pusat komuniti, berhampiran kawasan perumahan, atau tempat sesak seperti pasar, sekolah dan pusat perniagaan. Selain itu, kawasan yang berhampiran dengan jalan raya utama dan laluan pengangkutan awam juga dianggap mempunyai kepentingan strategik, kerana ia lebih menarik minat orang ramai untuk bersolat terutama pada waktu solat berjemaah. Pemilihan lokasi yang strategik ini membolehkan Surau memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memenuhi keperluan rohani masyarakat setempat, memantapkan lagi fungsi Surau sebagai pusat ibadat dan komuniti. lokasi surau cahaya spk juga dekat dengan rumah rumah kedai dan ini menunjukkan surau ini sangat sesuai dibina kerana dapat memudahkan orang ramai datang untuk singgah solat di surau itu. Struktur bangunan yang sederhana besar menjadikan surau ini sangat cantik dan kedudukannya yang strategik membuatkan surau ini lebih dikenali oleh penduduk di situ.

Fatwa al Azhar 9/170, telah mendefinisikan imarah masjid membersihkannya, sebagai memberi "mendirikannya, perkhidmatan kepadanya dan selain daripada itu untuk tujuan ibadat" (Ab. Halim Tamuri 2004). Memakmurkan masjid ialah membina, menjaga kebersihan, melengkapi prasarananya dan membuat penerangan. Melaksanakan solat, sering kali melakukannya secara berjemaah, mempelajari dan mengajarkan ilmu-ilmu yang bermanfaat, terutama yang paling mulia yaitu mempelajari dan mengajarkan al-Quran, serta menjalankan berbagai bentuk ketaatan lainnya dengan penuh keikhlasan semata-mata untuk mencari keredaan Allah SWT (Qahṭānī, 2010).

Media Sosial Surau Cahaya SPK

Selain itu, surau ini juga mempunyai media sosial termasuk facebook, instagram, dan youtube mempunyai pengikut dikalangan komuniti Cahaya SPK dan kepentingan sosial media ini adalah untuk memaklumkan—. Oleh kerana pengkaji kekurangan sumber pelbagai kajian penyelidikan mengenai surau ini telah dilakukan. PENYELIDIKAN

7. METODOLOGI

7.1 PENDEKATAN KAJIAN

Metodologi Kajian untuk Mendapatkan Maklumat tentang Penubuhan Surau Kajian ini melibatkan beberapa langkah terperinci yang dirancang untuk mengumpulkan data terkait dengan penubuhan dan perkembangan surau, termasuk sejarah pembangunannya serta alasan di balik pendiriannya. Langkah pertama adalah melakukan tinjauan literatur yang menyeluruh untuk memahami konteks sejarah dan kontribusi surau tersebut. Setelah itu, peneliti akan menentukan objektif kajian yang jelas, yang mencakup pengkajian sejarah, faktor-faktor, dan tantangan yang berkait dengan penubuhan surau tersebut.

PENYELIDIKAN KUALITATIF

1) Kaedah Temu Bual Mendalam telah digunakan dalam kajian ini temu bual mendalam merupakan instrumen yang sangat penting. Temubual ini pengkaji telah menemu bual tokoh dengan soalan umum, orientasi, dan soalan spesifik berkaitan Surau Cahaya SPK untuk mengetahui informasi mengenai surau dengan lebih mendalam. Kajian ini telah menemubual Dato' Haji Zon Bin Abdul Hamid iaitu timbalan penggerusi surau dan Encik Saiful Maznil Bin Othman selaku bendahari Surau Cahaya SPK. Beberapa soalan telah diajukan kepada mereka mengenai pembangunan dan peranan surau dalam komuniti seksyen U9/10. Soalan-soalan sesi temubual tersebut telah dibahagi kepada tiga soalan iaitu orientasi, umum dan spesifik. Hal ini sangat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan dan sistematik. Segala maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dapat dikumpulkan dan pengkaji juga dapat maklumat yang lebih khusus untuk menyokong maklumat daripada sumber-sumber carian internet yang lain dengan bukti dokumen-dokumen yang telah diberikan.

2) Kaedah melalui hasil pemerhatian

- Keadaan fizikal Surau Cahaya SPK memiliki keluasan yang agak besar dan boleh memuatkan dlm 500 orang jemaah dalam satu masa. surau cahaya spk juga telah ditambah baik dari semasa ke semasa supaya dapat menampung jemaah yang ramai dan juga memberikan keselesaan kepada jemaah. kemudahan bilik wuduk juga ada disediakan di surau dan tandas oku juga disediakan untuk memudahkan golongan itu. Surau cahaya spk juga sangat bersih dan teratur dan jawatankuasa surau juga telah melantik pekerja pembersihan untuk membersihkan surau setiap hari .

- Aktiviti surau juga sering diadakan setiap minggu seperti membaca al- quran ceramah dan sebagainya. jawatankuasa surau sangat aktif merancang aktiviti yang bermanfaat untuk penduduk kawasan itu.

- Pengurusan dan pentadbiran surau juga sangat baik dan bersistematis kerana surau ini memiliki penggerusi dan naib penggerusi yang bertanggungjawab ke atas semua aktiviti surau. Peranan

pengurus sangat penting dalam merealisasikan segala perancangan surau itu mengikut masa yang ditetapkan. Bendahari surau Cahaya SPK juga memiliki peranan yang penting dalam mengaturkan kewangan surau untuk program dan penambahbaikan surau.

- Komuniti dan penglibatan surau Cahaya SPK juga sangat baik kerana setiap minggu timbalan pengurus akan memanggil penceramah yang berkaliber untuk memberi ceramah agama kepada para jemaah. Semasa hari raya korban surau ini aktif dalam aktiviti penyembelihan dan juga memberi impak yang positif untuk penduduk itu.

7.2 PESERTA KAJIAN

Tokoh-tokoh yang ditemubual ialah Dato' Haji Zon Bin Abdul Hamid dan Encik Saiful Maznil Bin Othman. Kedua-duanya ialah ahli jawatankuasa Surau Cahaya SPK yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan sedikit sebanyak tentang latar belakang dan sejarah Surau Cahaya SPK.

Tokoh pertama ialah Dato' Haji Zon Bin Abdul Hamid. Beliau lahir pada 20 Oktober 1955 dan dilahirkan di Kampar, Perak. Beliau mulai menetap di Cahaya SPK, Shah Alam, Selangor sejak 2014. Beliau sekarang sudah bersara, tetapi masih memberikan khidmat nasihat kepada kawan-kawannya dan masih aktif di surau. Beliau memegang jawatan sebagai timbalan pengurus Surau Cahaya SPK sejak awal 2024. Pendidikan beliau sehingga tingkatan lima kemudian meneruskan pelajaran melalui kelas malam sambil bekerja hingga peringkat diploma dan mendapat Ijazah Sarjana (*Master*) dalam Pengurusan Perniagaan dari Kolej Oxford pada tahun 1998. Pada 1970-an hingga 1980-an, beliau bekerja di Persatuan Peladang Kebangsaan (NAFAS), dimana fokus pada bidang pertanian namun selepas Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau bertukar ke bidang kejuruteraan mekanikal dan pengurusan padang golf. Sehingga tahun 2000, beliau bekerja dalam pembinaan dan pengurusan padang golf, termasuk di Subang Airport Golf Club, pemaju Peremba Berhad. Pada tahun 1998-2000, disebabkan oleh kemelesetan ekonomi, beliau berhenti kerja dan bekerja dengan Tan Sri Rozali Ismail sebagai pegawai khas. Beliau juga dilantik sebagai CEO di anak syarikat. Selain itu, beliau juga pernah menjadi juruterbang peribadi Tan Sri Rozali Ismail.

Tokoh kedua ialah Encik Saiful Maznil Bin Othman. Beliau lahir pada 1976. Beliau merupakan pengurus Supply Chain Management di syarikat minyak dan gas di Kuala Lumpur. Beliau merupakan bendahari Surau Cahaya SPK sejak surau dibuka pada tahun 2010 hingga sekarang (2024). Pendidikan beliau bermula Sekolah Rendah di Sabak Bernam kemudian di Sekolah Sains di Kuala Kangsar, Teluk Intan, seterusnya ke Sekolah Menengah German di Perlis dan menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia (UUM) serta Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of London, United Kingdom. Beliau pernah terlibat dalam pengurusan perolehan, kontrak, dan logistik dalam industri minyak dan gas. Beliau juga pernah mengurus operasi luar pantai, kapal, helikopter, dan gudang di Kelantan dan Terengganu.

7.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Proses pencarian dan pemilihan tokoh yang berpengalaman berdasarkan kriteria yang diberikan bagi menjalankan kajian. Tokoh mestilah seseorang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan tajuk yang dipilih. Perjadualan temu janji dengan tokoh yang dipilih yang merupakan ahli jawatankuasa Surau Cahaya SPK. Pemilihan tempat dan masa yang sesuai untuk menjalankan sesi temubual. Sesi menemubual dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama adalah temubual awal, iaitu untuk mengetahui serba sedikit tentang tokoh secara tanpa formal. Sesi kedua ialah temubual sebenar. Ini dimana keseluruhan sesi temubual tersebut dirakam bagi pengeluaran transkrip. Temubual ini akan dijalankan sekurang-kurangnya 2 jam. Maklumat daripada tokoh akan dirakam menggunakan alat rakaman untuk memastikan kesahihan maklumat yang diperoleh. Setelah maklumat diperoleh, transkripsi temubual dilakukan. Maklumat dianalisis untuk mengenal pasti pandangan yang muncul dari temubual. Temubual dijalankan secara bersemuka (*face-to-face*) kerana komunikasi bukan lisan seperti bahasa tubuh, ekspresi wajah, dan nada suara memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan memahami mesej.

8. HASIL KAJIAN

8.1 PENUBUHAN SURAU

Surau Cahaya SPK dibina pada tahun 2008 sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyediakan kemudahan ibadah dan komuniti bagi penduduk di kawasan Cahaya SPK. Surau ini mula dibuka untuk orang ramai pada tahun 2010, walaupun pada waktu itu pembinaannya masih belum siap sepenuhnya. Pembinaan surau ini diselesaikan sekitar tahun 2011 dan 2012, memastikan semua kemudahan asas yang diperlukan untuk beribadah dan aktiviti komuniti tersedia dengan lengkap. Surau Cahaya SPK ini dibina oleh agensi Hartanah Cahaya SPK, di mana SPK merupakan singkatan bagi Syarikat Perumahan Kerajaan.

Pada tahun 2014, surau ini menghadapi keadaan yang agak mencabar. Keadaan fizikal surau amat daif dan kotor disebabkan kekurangan kakitangan yang dapat memberi perhatian kepada penyelenggaraan dan kebersihan surau. Pada masa itu, walaupun struktur asas surau masih utuh, kekurangan penjagaan dan penyelenggaraan menyebabkan keadaan surau menjadi kurang selesa untuk digunakan oleh jemaah.

Namun begitu, keadaan ini mula berubah apabila usaha-usaha penambahbaikan dilakukan sebelum pandemik COVID-19 melanda, iaitu sebelum tahun 2019. Pihak pengurusan surau bersama-sama dengan komuniti setempat mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemudahan dan kebersihan surau. Usaha penambahbaikan ini melibatkan penggantian peralatan yang rosak, penambahan kemudahan baru, serta peningkatan dari segi kebersihan dan penyelenggaraan harian surau. Hasil daripada usaha-usaha ini, Surau Cahaya SPK kini dalam keadaan yang lebih baik dan lebih selesa untuk digunakan oleh penduduk setempat.

Surau Cahaya SPK juga telah didaftarkan di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), memastikan bahawa semua aktiviti dan pengurusan surau mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri. Pendaftaran ini juga membantu surau dalam mendapatkan sokongan dan bantuan yang diperlukan untuk terus beroperasi dengan lancar dan memenuhi keperluan komuniti.

8.2 FAKTOR DAN PERANAN SURAU

Surau Cahaya SPK ini dibina dengan tujuan untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada masyarakat di kawasan Cahaya SPK. Antara kemudahan utama yang disediakan adalah tempat untuk menunaikan ibadah solat, yang amat penting bagi umat Islam. Surau ini bukan sahaja digunakan untuk solat fardu lima waktu, tetapi juga solat tarawih pada bulan Ramadan, qiamullail dan solat jenazah.

Selain itu, Surau Cahaya SPK juga menjadi pusat komuniti di mana orang ramai boleh berkumpul dan berinteraksi. Ini termasuklah mengadakan majlis ilmu seperti ceramah agama, kelas mengaji, dan bengkel-bengkel yang berkaitan dengan keagamaan dan pembangunan diri. Surau ini juga memainkan peranan penting dalam pengurusan jenazah. Kemudahan yang disediakan membolehkan proses pengurusan jenazah dijalankan dengan lebih lancar dan sistematik. Ini termasuklah bilik jenazah dan tempat untuk mandi jenazah.

Di samping itu, Surau Cahaya SPK turut menjadi pilihan bagi penduduk tempatan untuk mengadakan majlis perkahwinan. Surau ini menyediakan ruang yang selesa dan kemudahan yang mencukupi untuk mengadakan majlis pernikahan dan resepsi, menjadikannya pilihan ideal untuk pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan mereka dalam suasana yang penuh keberkatan. Pembinaan surau ini juga merupakan satu strategi untuk menarik minat pembeli rumah di kawasan Cahaya SPK. Dengan adanya surau yang lengkap dengan pelbagai kemudahan, ia memberikan nilai tambah kepada kawasan perumahan ini. Pembeli rumah yang mementingkan aspek keagamaan dan kemudahan beribadah pasti akan melihat ini sebagai satu kelebihan yang besar.

8.3 CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PIHAK SURAU

Pihak Surau Cahaya SPK telah menghadapi pelbagai cabaran dalam proses memajukan surau ini, terutamanya pada peringkat awal penubuhannya. Salah satu cabaran utama ialah kekurangan sokongan daripada penduduk setempat. Pada awal penubuhan surau, penduduk kawasan Cahaya SPK masih belum mengenali antara satu sama lain. Situasi ini menyukarkan usaha untuk mendapatkan sokongan komuniti dalam menjayakan program-program dan aktiviti surau.

Selain daripada cabaran dalam mendapatkan sokongan komuniti, pihak surau juga menghadapi kesukaran dari segi kewangan. Ketika surau ini mula ditubuhkan, bajet yang dimiliki oleh pihak surau hanyalah sebanyak RM220. Jumlah ini adalah sangat terhad dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas surau, apatah lagi untuk mengadakan program-program atau aktiviti yang lebih besar. Pihak surau terpaksa mencari pelbagai cara untuk mendapatkan dana tambahan, seperti mengadakan kutipan derma. Cabaran kewangan ini turut memberi impak kepada usaha pihak surau dalam mengimbangi perbelanjaan. Setiap program dan aktiviti yang dirancang perlu diurus dengan teliti agar tidak melebihi bajet yang tersedia. Pihak surau perlu memastikan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan memberikan manfaat kepada komuniti. Ini termasuklah perbelanjaan untuk keperluan harian surau seperti bil utiliti, penyelenggaraan, dan pembelian peralatan serta bahan-bahan untuk aktiviti.

Selain cabaran kewangan dan sokongan komuniti, pihak surau juga menghadapi cabaran dalam memastikan surau sentiasa beroperasi dengan baik walaupun ketika musim pandemik COVID-19. Pandemik ini telah membawa perubahan besar dalam cara surau berfungsi dan beroperasi. Pihak surau perlu mematuhi SOP (*Standard Operating Procedures*) yang ketat untuk memastikan keselamatan dan kesihatan semua jemaah. Ini termasuklah menghadkan jumlah jemaah yang hadir, memastikan

penjarakan fizikal, menyediakan kemudahan sanitasi seperti pencuci tangan, dan memastikan semua yang hadir memakai pelitup muka. Cabaran ini memerlukan usaha yang berterusan dan kerjasama daripada semua pihak.

9. KESIMPULAN

Surau merupakan tempat ibadah yang menjadi pusat aktiviti keagamaan dan sosial bagi komuniti setempat. Secara umumnya, surau berperanan sebagai tempat untuk solat berjemaah, mengadakan majlis ilmu, dan aktiviti keagamaan lain seperti ceramah, kelas mengaji, dan qiamullail. Selain itu, surau juga sering menjadi tempat untuk komuniti berkumpul dan menjalin hubungan silaturahim, menjadikan ia satu institusi penting dalam kehidupan masyarakat Islam. Surau sering digunakan sebagai tempat untuk menyampaikan maklumat penting kepada masyarakat, seperti pengumuman tentang aktiviti masyarakat, program kesihatan, dan bantuan kebajikan. Dalam konteks yang lebih luas, surau juga berfungsi sebagai pusat penyebaran nilai-nilai murni dan moral, serta tempat untuk memperkuuhkan jati diri dan identiti umat Islam. Oleh itu, surau bukan sahaja penting sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat integrasi sosial dan pembangunan komuniti yang menyeluruh.

Penghargaan: Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, transkrip temubual ini telah berjaya disempurnakan walaupun pelbagai cabaran dan ujian dihadapi dalam penghasilannya. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada peserta kajian, Dato' Haji Zon Bin Abdul Hamid dan Encik Saiful Bin Othman, yang telah sudi meluangkan masa berharga mereka untuk berkongsi maklumat mengenai latar belakang dan pengalaman mereka sebagai ahli jawatankuasa surau. Mereka telah menceritakan awal penubuhan surau, keadaan surau kini yang semakin baik, serta cabaran dan isu yang dihadapi dalam penambahbaikan surau. Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah kami, Encik Jafalizan Bin Md Jali, atas segala bantuan, nasihat, dan cadangan yang diberikan dalam menjayakan transkrip temubual ini. Juga tidak dilupakan kepada penyelia kami, Puan Nik Azliza yang telah membantu dalam memberi pertolongan dalam memberi cadangan kepada artikel ini. Tidak lupa, ucapan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa kami yang telah memberikan sokongan dan mendoakan kesejahteraan kami di mana juar kami berada. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan bertungkus-lumus dalam menyiapkan transkrip temubual ini.

RUJUKAN

- Anna Green and Kathleen Troup, *The Houses of History: A Critical Reader in Twentieth-Century History and Theory*, Manchester: Manchester University Press, 1999, hlm. 230.
- Abd. Wahab, N.A. Ab. Hamid, N., Che Man, N. (2016). Pemerksaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT* 5(2), 219-229. <https://ejuitmct.uitm.edu.my/v2/images/vol5issue2/CRPID5>
- A Ghafar Ahmad, 1997: *British Colonial Architecture In Malaysia: 1800-1930*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan kaedah 7 pengajaran pendidikan dan Islam pembelajaran ke atas pembangunan diri pelajar. *Laporan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi.
- Azra, Azyumardi. 2003. *Surau, Pendidikan Islam Tradisional dalam Transisi dan Modernisasi*. Jakarta: Logos Wacana.
- Berg, Bruce L.; & Howard Lune (2009). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. Boston: Pearson

- Creswell, John W. (2003). Research Design. Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches. Sage Publication.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Carian Umum: Surau. Retrieved July 19, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=surau>
- Mohamad Muis bin Mahmut, iaitu Guru Penolong Kanan Pentadbiran SK Sungai Terap, Tanjung Karang, Selangor di pejabatnya pada 30 Oktober 2017
- Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir,, Fadlan Othman, Siti Azimah Sabaruddin. (2020). Prinsip sosial dalam pengimaranan institusi masjid: Kajian di masjid bertaraf cemerlang. Jurnal Hadhari 12 (1), 1-15. <http://jurnalarticle.ukm.my/15450/1/40627-130008-1-PB.pdf>
- Nadzan Haron. 1979. Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, 9: 44-58.
- Rozeman Abu Hassan. 2004. Mengenali dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah. Shah Alam: Karisma Pub.
- Qahtānī, Sa‘id Ḩ. Ali. 2010. Masjid: kemuliaan, fadilat dan Caves, adab-adabnya. Batu Selangor. Publication.
- Ridhwan, Development Of Tasawuf In South Sulawesi, QIJIS (Qudus International Journal of Islamic Studies)," diakses 10 Juli 2019.
- Saad, Siti & Jan Mohamad, Radia Banu & Jaafar, Cik & Jan, Noor. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN.